

Tun Mahathir tak sokong LTTE

UM - 4/9/2020
mls: 6

PUTRAJAYA: 'Saya tidak sokong LTTE.'

Itu penegasan bekas Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (Bersatu), Tun Dr. Mahathir Mohamad apabila diasak dalam sidang akhbar mengenai pengesahan surat yang didakwa ditandatangani beliau semasa menjadi perdana menteri.

Surat sokongan itu dipercayai perlu mendapat keizinan beliau sebelum sebarang keputusan dibuat bagi membebaskan penyokong kumpulan pengganas Harimau Pembeba-

san Tamil Eelam (LTTE) oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur tahun lalu.

"Bukan maksudnya (tandatangan surat) saya sokong LTTE, Hamas juga ditakrif sebagai pengganas oleh Amerika Syarikat tetapi dahulu pun saya jumpa Hamas, pemimpinnya Ismail Haniyeh kita bincangkan tentang perjuangan sebab beliau adalah kawan saya.

"Jadi, itu saya hendak terangkan (isu LTTE) kita tidak perlu cari masalah sebab berlaku di Sri Lanka, tidak perlu ambil tin-

dakan (dakwa) di mahkamah," katanya pada sidang akhbar di Yayasan Kepimpinan Perdana di sini semalam.

Turut hadir Ahli Parlimen Jerlun, Datuk Seri Mukhriz Mahathir; Ahli Parlimen Sri Gading, Datuk Dr. Shahrudin Md. Salleh dan Ahli Parlimen Simpang Renggam, Dr. Maszlee Malik.

Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur tahun lalu membenarkan permohonan 12 individu termasuk dua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) yang didakwa berhubung kumpulan

LTTE untuk merujuk isu perlembagaan ke Mahkamah Tinggi.

Mahkamah Tinggi kemudian melepas dan membebaskan ADUN Seremban Jaya, P. Gunasekaran daripada tuduhan memberi sokongan kepada kumpulan pengganas selepas mendapat arahan pendakwa raya untuk tidak meneruskan prosiding.

Media sebelum ini melaporkan tujuh individu, termasuk dua ADUN dari Negeri Sembilan dan Melaka ditahan kerana disyaki terbabit dengan perjuangan LTTE.